

**TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAUB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PENUTUP
1ST INTERNATIONAL UMP ECO-RIDE 2017
PADA HARI AHAD, 30 APRIL 2017, PUKUL 2.30 PETANG
DI PUSAT AKTIVITI PELAJAR, UMP PEKAN**

SALUTASI

Saudara Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr Shahrin Sahib,

Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka;

Yang Berbahagia Dato' Haji Idros Yahya,

Pengarah, Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

Negeri Pahang;

Rakan-rakan saya dari UMP:

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus,

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Hormat Profesor Dr. Dato' Yuserrie Zainuddin ,
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni);

Profesor Dr. Mashitah Ibrahim,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi);

Encik Ab Hamid Majid,
Pendaftar;

Penolong-penolong Naib Canselor, Pegawai-pegawai Utama,
Dekan-dekan, Pengarah-pengarah dan Ketua-ketua Pusat
Tanggungjawab;

Saudara Madyasir Ahmad Basir,
Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar;

Warga pengelola dan peserta *1st International UMP EcoRide 2017*;

Wakil-wakil penaja;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi.

Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam 1Malaysia.

KATA PEMBUKA

1. *Alhamdulillah*, sukalah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka kita dapat bertemu dalam majlis penutupan rasmi *1st International UMP EcoRide 2017* yang julung-julung kalinya diadakan ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada para tetamu kenamaan kita iaitu Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Shahrin Sahib, Naib Canselor Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Yang Berbahagia Dato' Haji Idros Yahya, Pengarah Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri Pahang atas kesudian mereka untuk

turut melapangkan masa bagi memeriah dan menjayakan *1st International UMP EcoRide 2017* pada hari ini.

3. Sesungguhnya penganjuran acara ini merupakan manifestasi kesedaran kita untuk menjadikan gaya hidup sihat sebagai satu budaya yang menyumbang kepada kesejahteraan dan prestasi dalam kalangan warga kerja dan mahasiswa UMP, sekaligus mewujudkan pengalaman kampus yang kondusif kepada warga Universiti ini secara keseluruhannya.

4. Dalam konteks tersebut, pihak pengurusan UMP amat mengalu-alukan komitmen yang telah diperlihatkan oleh warga kerja Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FKEE) di bawah kepimpinan Dekannya iaitu Profesor Ir. Dr. Kamarul Hawari Ghazali atas cetusan idea untuk menganjurkan acara ini sejak awal lagi.

5. Walaupun acara ini pada asalnya dirancang untuk dilaksanakan dalam skala yang lebih kecil, namun saya dan pihak pengurusan UMP telah memberi sokongan supaya program ini dijadikan sebagai sebuah acara universiti dengan skala yang lebih besar dan parameter penyertaan yang lebih luas. Ini adalah kerana saya percaya bahawa acara seumpama ini mampu memberikan impak yang tidak sedikit kepada inisiatif penjenamaan UMP di samping pembudayaan gaya hidup sihat yang disebutkan tadi.

MENGGALAKKAN SUKAN BERBASIKAL

6. Tuan-tuan dan puan-puan,

Aktiviti berbasikal merupakan senaman yang ideal bagi masyarakat di semua peringkat umur dan latar belakang. Kajian perubatan telah membuktikan bahawa aktiviti berbasikal adalah sangat baik untuk senaman aerobik kerana sifatnya yang kurang memberi tekanan pada badan adalah berbanding dengan lain-lain sukan ketahanan di samping meningkatkan stamina yang meredakan keletihan dan kelesuan.

7. Dengan impaknya yang begitu positif kepada peningkatan kesihatan individu dan kosnya yang berpatutan, sukan berbasikal sememangnya boleh ditampikan sebagai satu aktiviti massa yang boleh disertai oleh warga kampus dan masyarakat daripada pelbagai lapisan dan latar belakang, sama ada secara individu atau berkumpulan.
8. Selain impaknya kepada peningkatan kesihatan, penyertaan dalam aktiviti berbasikal turut memberi peluang kepada kita untuk mendekati alam sekitar dan menyantuni komuniti melalui aktiviti-aktiviti sampingan yang dijalankan.
9. Malah saya percaya, laluan *FunRide* sejauh 30 kilometer dan laluan perlumbaan sejauh 120 kilometer yang ditempuh tadi telah memberi pendedahan dan pengalaman menarik kepada para peserta untuk turut menikmati keindahan alam sekitar dan keunikan masyarakat di kedua-dua laluan tersebut yang melalui kawasan perkampungan tradisional di Sungai Soi, Cherok Paloh, Lamir, Ganchong, Maulana dan Marhum.

10. Pastinya, tekanan yang dialami dari sudut aspek ketahanan fizikal semasa melakukan kayuhan tadi diredakan dengan keindahan pemandangan alam dan ketenangan suasana yang mengasyikkan.
11. Justeru, *1st International UMP EcoRide 2017* ini juga merupakan satu bentuk respon strategik UMP untuk mempromosikan aktiviti berbasikal sebagai satu kaedah untuk menghayati keindahan dan keunikan tempatan di negeri ini, sekaligus menyumbang kepada pengisian agenda Tahun Melawat Pahang 2017 yang kini sedang aktif dipromosikan.
12. Oleh yang demikian, dengan impak positifnya yang mencakupi pelbagai aspek, saya tidak ragu-ragu untuk menyatakan bahawa *International UMP EcoRide* ini dapat diteruskan pelaksanaannya sebagai satu acara tahunan Universiti ini.

13. Sehubungan dengan itu, satu usaha yang berfokus perlu digerakkan di peringkat Pusat Sukan & Kebudayaan dan FKEE untuk meneliti saranan ini dengan serius di samping memikirkan kaedah penganjuran dan skala penyertaannya yang mencerminkan semangat sebenar acara ini dalam konteks pembudayaan gaya hidup sihat, pemeliharaan alam sekitar, pembangunan sukan, promosi pelancongan dan penglibatan komuniti.

HARAPAN DAN KATA PENUTUP

14. Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih yang khusus kepada para penaja dan penyumbang budiman yang telah turut memberikan sokongan untuk menjayakan penganjuran *1st International UMP EcoRide 2017*. Ini termasuklah Isuzu Malaysia, HeiTech Padu, I&P Group, Maybank, KPJ Kuantan Hospital, CCM Pharmaceutical, Vacuumschmelze, Kheng Heng Bike, Rizal Bike Centre, 100 Plus, MILO, Tourism Malaysia dan Pengurusan Air Pahang Berhad.

15. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak FKEE yang dibantu oleh tenaga profesional dari Adham Bike Centre atas kelancaran pengelolaan teknikal acara ini dari garisan permulaan ke garisan penamat tanpa sebarang insiden yang tidak diingini.

16. Sekalung tahniah juga dihulurkan kepada para pemenang yang bakal diumumkan, dan kepada semua peserta *1st International UMP EcoRide 2017*, syabas dan terima kasih atas komitmen anda. Mudah-mudahan kejayaan edisi sulung ini akan mempertemukan kita kembali dalam *2nd International UMP EcoRide* yang akan datang, *Insyallah*.

17. Dengan harapan tersebut dan dengan lafaz yang mulia *Bismillahirrahmanirrahim*, saya dengan ini menutup *1st International UMP EcoRide 2017* dengan rasminya.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah*,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.